

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN]
TARIKH : 26.5.2016 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 24

YB Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [JASIN] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah merangsangkan kembali perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ekoran prestasi lemah 2015 disebabkan permintaan luar yang lemah, penyusutan kadar tukaran mata wang ringgit termasuk peningkatan kos dan permintaan yang perlahan berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2004, pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhan negara. Walaupun ekonomi Malaysia mengalami kegawatan pada tahun 2008 dengan mencatatkan pertumbuhan negatif, PKS sebaliknya berjaya mencatatkan pertumbuhan positif, sekaligus membuktikan bahawa PKS berupaya untuk bertahan dan berdaya saing dalam persekitaran perniagaan yang mencabar.
2. Dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu, PKS di Malaysia dijangka terus berkembang tetapi pada kadar sederhana. Inisiatif untuk PKS telah diperkukuhkan

dengan langkah-langkah awal yang diumumkan oleh Kerajaan pada September 2015 dalam usaha untuk mengurangkan kesan ketidaktentuan ekonomi.

3. Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF) akan diteruskan bagi mempercepatkan peralihan syarikat tempatan kepada industri yang berteknologi tinggi dan berasaskan inovasi. Penjadualan atau penstrukturan semula pinjaman perniagaan melalui Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) pula dapat membantu PKS dalam mengatur aliran tunai perniagaan. Selain itu, pengecualian duti import khusus untuk sektor pembuatan dan tambahan jaminan sebanyak RM2 bilion untuk Skim Jaminan Modal Kerja bagi sektor lain turut membantu pertumbuhan PKS.

4. Pelbagai inisiatif oleh Kerajaan telah dilaksanakan bagi merangsang perkembangan PKS di Malaysia dalam memastikan PKS lebih berdaya saing. Peruntukan bagi pembangunan PKS yang disediakan di bawah Bajet 2016 turut menyokong pembangunan PKS secara keseluruhan. Bagi meningkatkan eksport PKS, Kerajaan melalui SME Corp. Malaysia dan beberapa agensi terlibat akan memperhebatkan program *Going Export* (GoEx) dan Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) untuk membolehkan PKS tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Dengan penyertaan negara dalam perjanjian perdagangan bebas seperti Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), pasaran eksport kini adalah lebih meluas dan PKS mampu memperkukuhkan lagi perniagaan dan keupayaan untuk bersaing dengan firma asing di luar negara.

5. Di bawah Bajet 2016 juga, Kerajaan turut mengumumkan beberapa langkah bagi meningkatkan perbelanjaan pengguna swasta, sekaligus menggalakkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PKS. Kerajaan telah mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3% (daripada 11% kepada 8%) dan memberi pelepasan cukai sebanyak RM2 ribu kepada pembayar cukai individu berpendapatan RM8 ribu ke bawah. Inisiatif ini berperanan membantu PKS dalam menjamin kelangsungan perniagaan mereka agar dapat menghadapi keadaan ekonomi semasa yang mencabar.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]**
TARIKH : **26 Mei 2016**
SOALAN : **Dr. Azman bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kes pendakwaan terhadap individu-individu terbabit berkaitan penyelewengan skim beras ST15. Apakah Kementerian akan mewujudkan kembali skim ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara kesalahan yang dilakukan oleh pemborong dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemborong Program Beras Subsidi ST15% adalah :

- i. Menjual beras ST 15% ke gred yang lebih tinggi;
- ii. Menjual beras kepada pemborong lain; dan
- iii. Tidak menyelenggara/ memanipulasi rekod jualan, belian dan stok beras.

Tindakan yang telah diambil ke atas syarikat pemborong bagi kes-kes pelanggaran Aku Janji Program Beras Subsidi ST15% adalah:

- i. 21 sesi pendengaran;
- ii. 63 digugurkan daripada program ST15%; dan
- iii. 27 telah diberikan amaran.

Program ini tidak diteruskan mulai Januari 2016 memandangkan terdapat ketirisan di dalam pelaksanaannya, yang antara lain beras subsidi ini turut dinikmati oleh golongan warga asing dan juga peniaga. Kementerian telah memperkenalkan program MyBeras, iaitu bantuan beras kepada keluarga miskin tegar bagi menggantikan program beras subsidi.